



08 MAR, 2025

## PEROLEH JUALAN EKSPORT RM1.67B

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

## PRESTASI MALAYSIA DALAM GULFOOD 2025

# PEROLEH JUALAN EKSPORT RM1.67B

**Kuala Lumpur**

**M**alaysia memperoleh jualan eksport RM1.67 bilion di Gulfood 2025, melepas sa-saran awal sebanyak RM680 juta.

Dalam satu kenyataan semalam, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) berkata penyertaan Malaysia dalam pameran perdagangan makanan dan minuman menghasilkan potensi jualan RM1.45 bilion.

Sementara, jualan sebenar mencapai RM216.23 juta, mewakili 12.1 peratus peningkatan berbanding jualan RM1.49 bilion pada 2024.

"Kategori produk yang

**5,500**

Bilangan pempamer daripada 129 negara dalam Gulfood 2025.

mendapat sambutan termasuk minyak sawit, perasa makanan, makanan diproses, minuman dan makanan tambahan kesihatan, sekali gus menekankan permintaan global yang meningkat bagi produk Malaysia yang diiktiraf halal dan berkualiti tinggi," katanya.

Pusat Perdagangan Dunia Dubai di Emiriah Arab Bersatu (UAE) menganjurkan acara itu bermula 17-21 Februari dengan penyerta-

an 90 syarikat dari Malaysia di bawah Matrade.

Ia turut disertai empat lagi agensi kerajaan iaitu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Bhd (SME Bank), Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan Sabah (DIDR).

Matrade berkata, Gulfood 2025 menarik lebih 5,500 pempamer daripada 129 negara dan mempamerkan lebih 1 juta produk.

"Pempamer Malaysia perlu memanfaatkan platform ini bukan sahaja bagi mengukuhkan hubungan perniagaan sedia ada tetapi juga meneroka peluang ba-

haru yang lebih luas di UAE, rantau Asia Barat dan Afrika Utara (Mena).

"Jenama Malaysia sudah dikenali terutamanya bagi produk diiktiraf halal, sekali gus mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju global dalam sektor F&B halal," kata perbadanan itu.

Di samping itu, Matrade berkata, berdasarkan perhatian muncul aliran baharu di Gulfood 2025 iaitu peningkatan permintaan bagi makanan berasaskan tumbuhan dan fungisional.

Edisi ke-31 Gulfood dijangka diadakan pada 26-30 Januari 2026 dan Malaysia merancang untuk mengukuhkan lagi penyertaannya dalam acara berkenaan.



08 MAR, 2025

## PEROLEH JUALAN EKSPORT RM1.67B

---

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

#### PRESTASI MALAYSIA DALAM GULFOOD 2025

Malaysia memperoleh jualan ekspor RM1.67 bilion di Gulfood 2025, melepas sasaran awal sebanyak RM680 juta. Dalam satu kenyataan semalam, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) berkata penyertaan Malaysia dalam pameran perdagangan makanan dan minuman menghasilkan potensi jualan RM1.45 bilion. Sementara, jualan sebenar mencecah RM216.23 juta, mewakili 12.1 peratus peningkatan berbanding jualan RM1.49 bilion pada 2024.